

Bahagian A
[60 Markah]

Kertas soalan ini mengandungi pilihan A, B, C dan D. Pilih jawapan yang **PALING TEPAT**. Kemudian hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.

1. Gambar dua ekor harimau pada Jata Negara bermaksud _____.
 A kekuatan
 B kekuasaan
 C keberanian
 D ketangkasan

2. Berapakah bilangan anggota Majlis Raja-Raja yang terdapat di Malaysia?
 A Dua Raja – Raja Melayu dan seorang Yang di-Pertua Negeri.
 B Lima Raja – Raja Melayu dan 2 Yang Di – Pertua Negeri.
 C Tujuh Raja – Raja Melayu dan seorang Yang Di – Pertua Negeri.
 D Sembilan Raja – Raja Melayu dan empat orang Yang di – Pertua Negeri.

3. Cogan kata “ Bersekutu Bertambah Mutu” dapat ditemui pada _____.
 A Lagu kebangsaan
 B Jata Negara Malaysia
 C Bahasa Kebangsaan Malaysia
 D Bendera kebangsaan Malaysia

Soalan 4 berdasarkan pernyataan di bawah

Yang di-Pertuan Agong mengucup keris sebagai tanda menerima amanah sebagai Ketua Utama Negara

4. Berdasarkan pernyataan di atas, pilih pernyataan yang benar berkaitan Yang di-Pertuan Agong.
 A Bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong menurut perlembagaan negara.
 B Kaedah pemilihan Yang di-Pertuan Agong oleh Majlis Raja-Raja.
 C Adat Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong.
 D. Salah satu alat kebesaran diraja yang menjadi lambang kemegahan negara.

5. Apakah kuasa luar yang terawal menjajah dan campur tangan di negara kita ?
- A Portugis.
 - B Belanda.
 - C Jepun.
 - D British.
6. Siapakah Bapa Kemerdekaan yang telah banyak berjasa kepada negara kita ?
- A Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.
 - B Dato' Onn bin Ja'afar.
 - C Tun Abdullah bin Ahmad Badawi.
 - D Tun Abdul Razak.
7. Nyatakan iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa penjajahan kuasa luar ke atas negara kita ?
- A Meminta pertolongan kuasa luar untuk menyelesaikan masalah Negara.
 - B Kita perlu berbaik-baik dengan kuasa luar tanpa prasangka.
 - C Berbangga kerana kuasa luar berminat dengan negara kita.
 - D Rakyat harus bersatu-padu mempertahankan kedaulatan negara.
8. Apakah sumbangan tokoh berikut terhadap tanah air kita ?

Encik Mohamed Hamzah

- A Mencipta bendera Malaysia.
- B Menggubah seni kata lagu Negaraku.
- C Menghasilkan lambang Jata Negara.
- D Menulis prinsip-prinsip Rukun Negara.

9. Jadual berikut berkaitan dengan perjuangan tokoh-tokoh tempatan di negara kita.

Tokoh	Negeri
Haji Abdul Rahman Limbong	X
Mat Salleh	Sabah
Dol Said	Melaka

Apakah negeri yang diwakili X ?

- A Negeri Sembilan.
 B Terengganu.
 C Perak.
 D Selangor.
10. Pada tahun 1841, James Brooke telah menjajah _____.
 A Johor
 B Sarawak
 C Melaka
 D Sabah
11. Siapakah yang membantu Dato' Maharaja Lela membunuh J.W.W. Birch ?
 A Sultan Abdullah.
 B Temenggong Hashim.
 C Datu Patinggi Ali.
 D Seputum.
12. Dol Said telah berjaya mengalahkan British dengan menggunakan taktik perang _____.
 A gerila
 B tiga segi
 C tempur
 D saudara

13. Bagaimanakah masyarakat berbilang kaum boleh hidup dalam suasana rukun dan damai di Malaysia ?
- A Tidak mencampuri urusan orang lain.
 - B Bertoleransi sesama bangsa sahaja.
 - C Saling menghormati antara satu sama lain.
 - D Mengelak daripada bergaul dengan jiran tetangga.
14. Haji Abdul Rahman Limbong telah ditangkap oleh pihak British dan dibuang negeri ke _____.
- A. Jordan
 - B. Mekah
 - C. Melaka
 - D. Kelantan
15. Berikut adalah kesan sosiekonomi akibat penjajahan British **kecuali** _____.
- A Perkembangan sistem pengangkutan dan perhubungan
 - B Perkembangan sistem pendidikan
 - C Perkembangan ekonomi
 - D Perkembangan agama Hindu
16. Berikut merupakan etika ketika menyanyikan lagu Negaraku **kecuali** _____.
- A berdiri tegak
 - B kedua kaki dirapatkan
 - C kedua tangan di sisi dan diluruskan
 - D. gerakkan badan mengikut irama lagu
17. Bendera Malaysia telah diberi nama Jalur Gemilang pada tahun 1997. Siapakah yang mengisytiharkan nama tersebut?
- A Tunku Abdul Rahman.
 - B Tun Hussein Onn.
 - C Tun Dr. Mahathir Mohamad.
 - D Tun Abdullah Ahmad Badawi.

18. Berikut merupakan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong **kecuali** _____.
- A melantik Perdana Menteri
 - B pemerintah tertinggi angkatan tentera Malaysia
 - C menggubal undang-undang negara
 - D Ketua Agama Islam bagi negeri-negeri yang tidak beraja
19. Yang manakah berikut bukan identiti negara Malaysia?
- A Jata Negara.
 - B Bendera Negeri.
 - C Jalur Gemilang.
 - D Bunga Raya.
20. Apakah kejayaan Yamtuan Antah dalam rundingannya dengan pihak British?
- A Dato' Kelana diiktiraf sebagai Yamtuan di Seri Menanti.
 - B Mengisytiharkan Jelevu sebagai wilayah kepunyaan Dato' Kelana.
 - C Mendapat pengiktirafan sebagai Yamtuan Besar di Seri Menanti.
 - D Yamtuan Antah mengisytiharkan Terachi sebagai wilayah pemerintahannya.
21. Pending di – Raja merupakan hiasan pada _____ .
- A tali pinggang
 - B kalung Diraja
 - C tengkolok Diraja
 - D muskat

Soalan 22 berdasarkan petikan di bawah.

Penubuhan Sekolah Inggeris seperti Sekolah Sultan Sulaiman di Kuala Terengganu dan Victoria Institution di Kuala Lumpur.

22. Berdasarkan petikan di atas, apakah kesan daripada penjajahan kuasa luar ke atas negara kita?
- A Kemudahan sistem pengangkutan.
 - B Perkembangan sistem pendidikan.
 - C Perkembangan bandar-bandar baharu.
 - D Kemudahan dalam sistem perkhidmatan kesihatan.
23. Apakah gelaran bagi Tun Abdul Razak Hussein ?
- A Bapa Pembangunan.
 - B Bapa Pemodenan.
 - C Bapa Kemerdekaan.
 - D Bapa Perpaduan.
24. Nyatakan tujuan utama Bulan Bahasa Kebangsaan yang diadakan pada setiap bulan Oktober.
- A Menggalakkan penggunaan bahasa Melayu.
 - B Memperkayakan kosa kata bagi bahasa Melayu.
 - C Mengembangkan bahasa Melayu.
 - D Membentuk semangat jati diri dalam jiwa orang Melayu.

25. Adat istiadat pertabalan melambangkan _____ dan _____ Yang di-Pertuan Agong.

- I keagungan
- II kedaulatan
- III kepercayaan
- IV kepemimpinan

- A I dan II.
- B I dan IV.
- C II dan III.
- D II dan IV.

26. Lima bilah keris yang terdapat pada Jata Negara melambangkan negeri

- I Perlis
- II Johor
- III Selangor
- IV Kelantan

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- DI, II, III dan IV

27 Pilih pernyataan yang **benar** tentang kepentingan identiti negara.

- I Lambang kedaulatan negara.
- II Lambang kemegahan negara.
- III Lambang perpaduan negara.
- IV Lambang kebanggaan rakyat.

- A I, II dan III.
- B II, III dan IV.
- C I, III dan IV.
- D I, II, III dan IV.

28 Nyatakan tokoh-tokoh pejuang tempatan yang menentang British di Sarawak.

- I Rentap.
- II Dol Said.
- III Antanom.
- IV Sharif Masahor.

- A I dan II.
- B II dan III.
- C I dan III.
- D I dan IV.

29 Berikut merupakan cara-cara menghargai lagu Negaraku.

- I Dinyanyikan ketika bermain bola di padang.
- II Diperdengarkan semasa Sambutan Hari Kemerdekaan.
- III Menyanyikan Lagu Negaraku dengan sebutan yang tidak betul.
- IV Diperdengarkan dalam upacara rasmi di peringkat antarabangsa.

- A I dan II.
- B II dan III.
- C II dan IV.
- D III dan IV.

30 Lagu kebangsaan perlu dihormati kerana ia merupakan

- I identiti negara kita.
- II simbol perpaduan rakyat.
- III lambang kedaulatan negara.
- IV simbol kebangsaan negara yang merdeka.

- A I, II dan III.
- B II, III dan IV.
- C I, II dan IV.
- D I, II, III dan IV.

BAHAGIAN B**[40 MARKAH]****ARAHAN: Jawab semua soalan di bawah.**A)Padankan tokoh perjuangan berikut dengan faktor penentangan yang betul.

Tokoh	Faktor Penentangan
1. Dato' Bahaman	British menguatkuasakan undang – undang binatang buas
2. Mat Salleh	Campur tangan British dalam pentadbiran Klang
3. Haji Abdul Rahman Limbong	Kehilangan hak mengutip cukai dan dilucutkan jawatan sebagai pembesar
4. Dato' Maharajalela	British mencabuli adat resam orang Melayu
5. Raja Mahadi	Kehilangan kawasan pengaruh

[5 markah]

B) Lengkapkan pernyataan di bawah dengan jawapan yang betul .

perlombongan bijih timah	sosioekonomi	mentadbir	jalan raya	menjajah
British	pentadbiran	Negeri Selat	hospital	Negeri Melayu Bersekutu

Banyak kuasa luar yang telah (1) dan campur tangan di negara kita. Portugis , Belanda, Siam (2) ,..... dan Jepun pernah menjajah negara kita. British telah membentuk lima jenis (3)..... yang berbeza di negara kita. Pentadbiran tersebut ialah (4), (5).....,Negeri Melayu Tidak Bersekutu, pentadbiran Brooke di Sarawak dan SBUB di Sabah. Sultan dan pembesar tempatan kehilangan kuasa untuk (6) negeri. British campur tangan kerana mereka hendak menguasai (7) Selain itu campur tangan dan penjajahan juga memberi kesan terhadap (8) negara kita. Di antara kesan tersebut ialah seperti jalan kereta api (9) ,..... dan (10)

[10 markah]


C)Nyatakan nama alat - alat kebesaran diraja yang berikut.

Cokmar	Muskat	Kalung Diraja	Keris panjang Diraja	Pending Diraja
--------	--------	---------------	----------------------	----------------

Keterangan.	Alat kebesaran
Alat kebesaran ini dipakai leher Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang diperbuat daripada emas putih bertatahkan permata berlian.	
Alat kebesaran ini merupakan hiasan pada tali pinggang atau bengkung. Ia diperbuat daripada emas sepuluh mutu.	
Alat ini merupakan dua batang tongkat pendek berhulukan kubah merupakan alat perang zaman dahulu.	
Alat ini merupakan pakaian rasmi bagi Seri Paduka Baginda Yang di – Pertuan Agong.	
Alatan ini merupakan alat kebesaran utama dalam istiadat pertabalan.	

[5 markah]

D)Isikan jadual di bawah dengan betul.



LAMBANG	MAKNA LAMBANG
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	

[10 markah]

E)Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan – soalan berikut.

Bendera Malaysia dikenali dengan nama Jalur Gemilang. Nama Jalur Gemilang diberi kerana mempunyai 14 jalur. Jalur ini melambangkan satu haluan yang sama dalam menuju kegemilangan bangsa dan Negara. Gemilang pula bermaksud cahaya dan cemerlang. Oleh sebab itu, kita perlu berusaha untuk menaikkan imej Negara kita. Kita juga boleh mengibarkan bendera kebangsaan ini sebagai tanda sayang dan bangga kepada Negara kita. Hal ini kerana bendera Malaysia melambangkan semangat patriotik, maruah, bangsa dan Negara. Selain itu bendera juga merupakan simbol perpaduan dan kedaulatan Negara.

1. Mengapakah bendera Malaysia dinamakan sebagai Jalur Gemilang ?

2. Apakah yang dimaksudkan dengan ‘jalur’ ?

3. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan ‘gemilang’ ?


4. Nyatakan 2 tujuan kita mengibarkan jalur Gemilang ?

a)

b)

[5 markah]

F) Lengkapkan carta alir di bawah dengan pilihan jawapan yang diberi.



KAEDAH PEMILIHAN YANG DI – PERTUAN AGONG

Pelantikan dibuat oleh _____ melalui pemilihan yang unik.

Dipilih secara _____ dan memegang jawatan tersebut selama 5 tahun.

Dibuat secara _____ oleh 9 orang Raja – Raja Melayu.

Majlis Raja – Raja _____ pelantikan tersebut.

Yang Di – Pertuan Agong melafazkan dan _____ sumpah jawatan ketika adat pertabalan.

[5 markah]

SOALAN TAMAT